

# Tiram hibrid lebih komersial

B/A 20/7/12 MS 16.

» Makanan laut mampu tahan penyakit, cepat membesar

Oleh Nurhayati Abillah  
bhnews@bharian.com.my

► Taiping

**M**alaysia menjadi negara pertama mengeluarkan tiram hibrid yang tahan kepada penyakit dan cepat membesar, berbanding tiram biasa dengan rupa bentuk isi lebih menarik serta berat.

Kejayaan pertama di dunia itu walaupun masih dalam peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D) diyakini mampu menghasilkan tiram lebih bermutu, besar serta enak dan boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Kajian itu dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) dengan kerjasama syarikat swasta tempatan, Tropical Oyster Sdn Bhd.

Pengarah Penyelidikan IPP Pulau Pinang, Rosly Hassan, berkata kejayaan tiram hibrid itu diperoleh dengan penghasilan 10,000 tiram spat iaitu kumpulan pertama benih membabitkan dua spesies tiram tempatan iaitu *Crassostrea iredalei* dan *belcheri* dalam tempat penetasan.

"Sebelum ini ada beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan Australia sudah melakukan cubaan berkenaan (tiram hibrid) tetapi gagal," katanya pada sidang media selepas melawat Program Teknologi Akuakultur Tiram Triploid di Kuala Trong di sini, semalam.

Rosly berkata, 95 peratus



Pekerja Tropical Oyster mengangkat tiram dari sangkar rakit di Kuala Trong, Taiping, semalam.

(FOTO L. MANIMARAN/BH)

tiram bagi memenuhi pasaran tempatan terutama di hotel bertaraf lima bintang kini diimport khususnya dari Thailand.

"Justeru, kita berusaha untuk mengurangkan kadar import makanan laut itu walaupun setakat ini perusahaan tiram di Malaysia belum dikomersialkan sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata, perangkaan Jabatan Perikanan menunjukkan peningkatan ketara dalam pengeluaran tiram sejak tiga tahun lalu iaitu 275 tan ber-

“  
Kita menyasarkan kadar pengeluaran terus meningkat kerana ternakan ini berpotensi hasil keuntungan lebih besar”

**Rosly Hassan,**  
Pegawai Penyelidikan  
IPP Pulau Pinang

nilai RM1.2 juta pada 2008 kepada 813 tan bernilai RM3.7 juta pada 2010.

"Kita menyasarkan kadar pengeluaran terus meningkat kerana ternakan ini berpotensi menghasilkan keuntungan lebih besar.

"Kita memerlukan lebih banyak kerjasama dan pembabitkan syarikat swasta serta pengusaha tiram tradisional untuk menggunakan teknologi ternakan lebih moden bagi hasilkan tiram lebih berkualiti serta berskala besar untuk tujuan komersial," katanya.